

RASUAH DAN POLITIK WANG DALAM BUSA HATI (2002) KARYA ARENA WATI

Mohd Faizal Musa

Institut Alam dan Tamadun Melayu,
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600, Bandar Baru Bangi, Selangor
mfaizalmusa@ukm.edu.my

Received: 8 February 2022

Accepted: 3 November 2022

Makalah ini bertujuan untuk memperlihatkan kraf politik novel *Busa Hati* (2002) yang merupakan salah sebuah karya dari trilogi Sasterawan Negara Arena Wati selain *Busa Sukma* dan *Busa Kalbu*. Ketiga-tiga karya ini berusaha memaparkan krisis dan ragam politik di Sabah, Sarawak dan Semenanjung. *Busa Hati* sebagai karya pertama dari *Trilogi Busa* ini memberi perhatian kepada gambaran politik Sabah. Persoalan penting yang dipaparkan dalam novel politik ini antara lain ialah isu politik wang, dan amalan lompat parti, yang terangkum pada gejala rasuah. Makalah ini akan mengupas gejala rasuah yang diketengahkan oleh Arena Wati dan bagaimana ia berakar dalam politik Sabah dan menyebabkan pembangunan terbantut, selain permusuhan dalam kalangan rakyat pelbagai etnik. Ternyata *Busa Hati* adalah satu ekspresi seni dan pernyataan politik yang penting untuk diziarahi semula dalam memastikan kompas dan kiblat politik bangsa kekal lurus agar negara tidak runtuh.

Kata kunci: Arkitek, tokoh, seni bina, Melayu, profesion

CORRUPTION AND MONEY POLITICS IN BUSA HATI (2002) BY ARENA WATI

This paper aims to show the political craft of Busa Hati (2002), which is one of the works from the trilogy authored by National Laureate Arena Wati, in addition to Busa Sukma and Busa Kalbu. These three works seek to portray the crisis and the political climate in Sabah, Sarawak and the Peninsula. Busa Hati as the first work from the Busa Trilogy, pays attention to the political scenarios of Sabah. Important political expressions featured in this political novel include, among others, the issue of money politics, and the practice of party hopping, which are all symptoms of corruption. This paper will examine these symptoms of corruption as highlighted by Arena Wati and how it is rooted in Sabah politics and causes stunted development, and hostility among people of various ethnicities. Apparently, Busa Hati is an artistic expression and a bold political statement that is important to be revisited in order to ensure the moral and political compass of the nation remain straight and undeviated so that the nation does not collapse.

Keywords: Money Politics, Bribery, Sabah Politics, Political Novel, Party Hopping, Corruption.

Pengenalan

Novel dari segi bahasa menurut Vernon Scannell, seorang pengkaji genre ini, berakar dari bahasa Latin yang berkait juga dengan bahasa Itali. Ia bermaksud ‘perkara kecil yang baru’. Novel juga kerap dikaitkan dengan bahasa Perancis, *nouvelle*, berpengertian berita (Vernon Scannell, 1984, hlm. 16). Scannell kelihatan lebih selesa dengan makna diberi oleh *Shorter Oxford English Dictionary*, beliau menyatakan novel adalah sebuah ‘prosa ciptaan, berbentuk naratif panjang, karektor dan aksi di dalamnya adalah daripada kehidupan sebenar dan mengandungi cerita serta plot yang kompleks’ (Vernon Scannell, hlm. 17).

Sebenarnya tiada pengertian tepat tentang novel. Lazimnya cara yang paling mudah untuk mengenal pasti sesebuah karya itu sebagai novel, diukur dari segi panjang atau jumlah perkataan. E.M Forster (1979, 3) misalnya memetik definisi pengkritik berbangsa Perancis, M. Abel Chevalley yang menyebut novel adalah sebuah cerita dalam bentuk prosa panjang (‘*une fiction en prose d’une certain etendue*’).

Forster kemudian menambah bahawa novel mestilah tidak kurang daripada lima puluh ribu patah perkataan. Ia bukanlah pula pengertian yang muktamad. Pelbagai definisi telah diajukan. David Madden yang mengkaji dan menulis buku mengenai penulisan novel, cuba memberi makna lengkap untuk novel, berkata:

A prose fiction narrative that is not only longer than either a short story or a short novel (novelette) but that usually subjects the reader to an experience in more detail and depicts a greater variety of characters who are involved in a plot constituted of a multiplicity of episodes, with greater scope in time and space; and that is concerned with real people in a stable society in the real world but is distinguished from non fiction in being the product of a more inventive imagination and in being expressed in language and through a structure that is usually more carefully controlled to create effects in the reader (David Madden, 1980, hlm. 8).

Oleh hal yang demikian, menurut David Madden, novel ialah naratif fiksiyen berbentuk prosa yang bukan sahaja lebih panjang berbanding cerpen ataupun novelet malah menghadirkan subjek yang lebih terperinci kepada pembaca melalui kepelbagaian karakter dalam plot yang tertakluk pada setiap episodnya.

Manakala David Grombs, dalam kamus sastera yang disusunnya iaitu *The Random House Dictionary For Writers and Readers* pula memaknakan novel sebagai:

A work of prose fiction, usually an extended narrative but often idiosyncratic in structure, that tells a story or uses incident and setting to dramatize human experience and individual character; whether through imagination, re-creation of real life existence, intricate or rich plot, the author’s particular vision or persona, or all of these; the genre of this type of prose writing (David Grombs, 1984, hlm. 215).

Grombs dengan itu memaknakan novel sebagai sebuah prosa fiksiyen yang kebiasaannya berbentuk naratif namun memiliki struktur idiosinkratik, yang bercerita tentang cerita itu sendiri, atau situasi-situasi tertentu, atau latar yang menceritakan pengalaman manusia dan perwatakan individu sama ada melalui imaginasi, penciptaan semua atau wujud di alam realiti, plot yang kaya atau memiliki butiran yang kompleks, visi atau persona seseorang penulis, atau kesemuanya; adalah genre bagi penulisan prosa jenis ini.

Adalah jelas, menurut Grombs dan Madden, novel bukanlah semata-mata bersifat panjang tetapi mesti menggambarkan bahagian-bahagian kehidupan, dengan karektor dan plot, dipindahkan

oleh kemahiran berbahasa, dan semua itu didatangkan daripada kemampuan imaginasi yang dicipta semula daripada realiti.

Ini bermakna dalam menulis sesebuah novel kesungguhan mencipta dunia baru daripada dunia yang sedia ada, datang daripada satu usaha yang bukan sedikit.

Imaginasi dan khayalan yang dipaparkan dalam novel sebenarnya telah dibentuk dan diilhami oleh realiti. Inilah yang membezakan fiksi seperti novel dengan bukan fiksi seperti laporan berita. Bukan fiksi sama sekali tidak didasari oleh imaginasi sebaliknya adalah fakta berasas kebenaran. Dua definisi daripada Madden dan Grombs dengan demikian, lebih tepat dan khusus daripada pendapat yang pernah dikemukakan E.M Forster yang mudah dan terlalu umum.

Definisi Umum Politik

Kalimat politik dari aspek bahasa bermaksud polis atau negara kota, ia juga pada waktu tertentu dimaknakan sebagai kemajuan. Ia berasal daripada bahasa Greek. Menurut Alias Othman (1992, hlm. 9) perkataan ini digunakan sejak abad ke 5 sebelum masehi.

K. Ramanathan (1994, hlm. 1-2) pula menyebut istilah politik telah digunakan manusia kira-kira 3500 tahun lampau di tamadun Eupharates dan Tigris. Politik kemudian berkembang sebagai suatu disiplin hingga disebut kemudiannya sebagai satu seni serba mungkin, *the art of possible*. Beliau turut menyimpulkan bahawa politik itu merangkumi pengagihan kuasa dan faktornya, termasuk pengkajian terhadap kerajaan dan tingkah laku manusia dalam menyelesaikan kepentingan-kepentingan bertentangan (K. Ramanathan, 1994, hlm. 26).

Selain itu *Kamus Dewan Edisi Baru* (1989, hlm. 977) menghurai politik sebagai:

Pengetahuan berkenaan cara pemerintahan (dasar-dasar pemerintahan dan lain-lain) siasah, ilmu kenegaraan. Segala sesuatu berkenaan pemerintahan sesebuah negara atau hubungannya dengan negara lain.

Makna yang diberi ini bagaimanapun tidak meluas. Ia sekadar mengaitkan politik dengan urusan kerajaan sedangkan cakupan politik jauh lebih besar. Kalimat politik seperti dimaknakan Peter Joyce, merangkumi persoalan luas yang antara lain membabitkan hubungan sesama manusia. Ia melibatkan hal-hal teori politik, sejarah politik, kerajaan, pentadbiran, kajian polisi dan perhubungan antarabangsa seperti:

Politics embraces the study of the behaviour of individuals within a group context. The scope of it's study is broad and includes issues such as inter-group relationships, the management of groups, the operations of their collective decision – making process, and the implementation and enforcement of decisions. Conflict and it's resolution is a particular focus of political analysis. The study of politics thus involves a wide range of complementary subject areas which include political theory, political history, government and political administration, policy analysis and international relations (Peter Joyce, 1996, hlm. 3).

Petikan di atas menjelaskan kalimat politik menuntut satu daerah kajian yang sangat luas. Ia bukanlah urusan pemerintahan sesebuah negara semata-mata. Pandangan lain daripada Alan Renwick dan Ian Swinburn (1991, hlm. 14), dua sarjana sains politik Barat; bahawa politik itu khusus mengenai perselisihan, konflik dan pelbagai metodologi yang digunakan untuk mencapai satu-satu matlamat. Urutan menyelesaikan konflik inilah dilihat sebagai politik dan prosesnya. Mereka menambah politik itu selalu berlegar soal kuasa dan autoriti.

Dua sarjana sains politik yang lain iaitu Geoffrey Ponton dan Peter Gill menyarankan definisi yang tidak begitu berbeza dengan Peter Joyce. Malah politik boleh dikatakan ikut bertindan dengan disiplin ilmu lain:

Politics is closely related to many other fields of knowledge, for example, economics (material relationship), sociology (social relationship), geography (the spatial dimension) and history (the temporal dimension) (Geoffrey Ponton dan Peter Gill, 1988, hlm. 6).

Politik bagi Ponton dan Gill ialah mengenai 'kuasa memerintah manusia' dan hubungan sosial. Hujah mereka juga mengingatkan, politik amat rapat dengan pelbagai bidang ilmu lain termasuk sejarah. Politik dan sejarah tidak terpisah. Sesuatu sejarah negara misalnya sering memberi implikasi politik. Ponton dan Gill bagaimanapun lebih berhati-hati kerana telah membahagi secara jelas antara aktiviti berpolitik dengan politik:

The factor that distinguishes political activity from politics is that of action towards others (Geoffrey Ponton dan Peter Gill, hlm. 9).

Jelaslah, hal yang difahami oleh masyarakat umum mengenai politik itu sebenarnya ialah aktiviti berpolitik. Amalan pilihanraya, persaingan antara parti politik, atau kesan sesuatu dasar politik ke atas anggota masyarakat, sebagai contoh adalah aspek-aspek yang lazim dirujuk. Aspek yang disebutkan di atas sangat menonjol dalam novel *Busa Hati* (2002) karya Arena Wati.

Politik itu sendiri, seperti yang telah dikemukakan sebelumnya adalah luas dan mencakupi hal-hal ideologi seperti demokrasi, marxisme atau sosialisme dan liberalisme. Politik menilai antara lain, bahagian-bahagian seperti kuasa, pilihan untuk menentukan kepimpinan, sejarah politik sesebuah negara atau kerajaan, rangka bernegara, berparti atau berkumpulan.

Ia turut melibatkan soal kumpulan berkepentingan seperti pertubuhan bukan kerajaan dengan tuntutan dan protes mereka terhadap sesuatu polisi pemerintah. Politik ikut membincangkan hal-hal persidangan di parlimen atau lebih tepat perjalanan menggubal undang-undang, kepolisian dan ketenteraan, pilihanraya dan pungutan suara serta perhubungan sesama negara pada peringkat antarabangsa. Inilah maksud sebenar politik dan segala kegiatan, aktiviti dan aksi yang dilakukan dalam rangka yang disebut, dinamakan aktiviti berpolitik.

Definisi Novel Politik

Definisi atau kriteria lebih khusus harus ada pada novel politik bagi membezakan ia dengan definisi umum sebuah novel atau perbezaannya dengan novel-novel bentuk lain seperti novel sosial, novel seks, novel sejarah atau novel detektif.

Sehubungan itu *Glosari Istilah Kesusasteraan* menyebut novel politik sebagai:

Novel yang secara langsung berhubung dengan aspek-aspek penting dalam kehidupan politik. Aspek-aspek tersebut merupakan bahan utama bagi karya berkenaan dan bukan hanya semata-mata sebagai latar belakang atau sebagai persoalan-persoalan sampingan. Tegasnya, novel politik mengemukakan kehidupan politik sebagai pokok persoalannya (Safian Hussain, Mohd Thani Ahmad, Zakaria Ariffin, Ahmad Kamal Abdullah, Suhaimi Haji Muhammad, 1988, hlm. 214).

Definisi ini agak sempit dan mengiktiraf 'bahan politik' yang dihantar 'secara langsung' sahaja. Dalam erti kata lain idea politik yang diutus 'secara tidak langsung' dalam novel tidak melayakkan novel tersebut dikategorikan sebagai novel politik.

Sahlan Mohd Saman, sarjana sastera tempatan dalam satu esei, mengatakan novel politik adalah:

Political novels on the other hand are novels, which discuss the pattern of national politics and political figures who are involved in the political parties (Sahlan Mohd Saman, 1992, hlm. 237).

Definisi yang diberi oleh Sahlan Mohd Saman ini pula menghadkan perbincangan politik kepada hal-hal politik tempatan atau dalam negara sahaja, di samping mementingkan kewujudan tokoh politik yang terlibat dalam parti politik. Definisi ini menjurus kepada satu pokok perbincangan semata-mata iaitu politik kebangsaan.

Henry Guntur Tarigan, seorang pengkaji sastera dari Indonesia menyamakan novel politik dengan novel sosial, kerana menurut beliau dalam kedua-dua bentuk novel ini, persoalan masyarakat ditinjau melebihi persoalan individu. Oleh hal yang demikian, pelaku-pelaku dalam novel jenis ini hanya diperalatkan sebagai penggerak cerita ‘sosial dan politik’ semata-mata (Henry Guntur Tarigan, 1984 hlm. 168-169.)

Morris Edmund Speare yang mengkaji mengenai novel-novel politik Amerika Syarikat dan United Kingdom seawal 1924, mengatakan novel politik adalah sebuah novel yang lebih mementingkan idea daripada emosi, tentang proses penggubalan undang-undang, berkisar mengenai teori pengurusan masyarakat, bertujuan propaganda kepartian atau pembaharuan awam, ada watak-watak yang terlibat dengan kerajaan atau kehidupan berpolitik, seperti yang dipetik:

What is a political novel? It is a work of prose fiction which leans rather to idea than to emotions; which deals rather with the machinery of law-making or with a theory about public conduct than with the merits of any given piece of legislation; and where the main purpose of the writer is party propaganda, public reform, or exposition of the lives of the personages who maintain government, or the forces which constitute government. In this exposition the drawing-room is frequently used as a medium for presenting the inside life of politics (Morris Edmund Speare, 1924, hlm ix.)

Definisi hampir sama diberi oleh H.A.L Fisher yang mengatakan novel politik ialah novel yang ada wataknya terlibat dengan kehidupan berpolitik dan sekadar membincangkan idea-idea politik. Definisi Joseph Blotner pula, menyebut novel politik adalah novel secara langsung mentafsir atau menganalisis fenomena politik. Kedua-duanya antara sarjana paling awal berusaha memberi definisi tepat tentang novel politik (Gordon Milne, 1966, hlm. 4).

Semua pengertian disebut sebelum ini telah melihat novel politik dari satu aspek semata-mata. Henry Guntur Tarigan sekadar menindih kategori novel sosial dan novel politik dan tidak menjelas secara lanjut ciri-ciri lebih khusus pada novel politik. Hal yang diperkatakan hanyalah persoalan awam harus melebihi beratnya dalam novel politik berbanding persoalan individu (melalui satu-satu watak yang diketengahkan).

Definisi ini ternyata kabur. Terdapat penulis-penulis yang kreatif dengan imajinasinya berupaya mengangkat permasalahan pada satu-satu individu sahaja dan kemudian melihat atau menggambarkan dari situ, persoalan politik umum dalam masyarakat secara bijak. Justeru pandangan beliau kurang tepat dan sukar untuk dipegang.

Oleh yang demikian banyak contoh novel politik yang subjek politiknya itu tidak ditulis secara langsung malahan disembunyikan dengan pelbagai cara. Novel menggunakan pendekatan satira sebagai contoh berkecenderungan untuk menggunakan pelbagai lambang dalam mengkritik institusi, manusia atau idea politik. *Gulliver's Travel* karya Jonathan Swift (1726) jika dibaca selapis akan kelihatan seperti cerita dongengan kembara untuk anak-anak, sedangkan ia sarat kritikan terhadap institusi raja-raja dan menggambarkan pertelingkahan mazhab agama Kristian ketika ia ditulis. (Arthur Pollard, 1992, hlm. 58.)

Berdasarkan hujah-hujah di atas, adalah jelas definisi Glosari Istilah Kesusasteraan terutamanya tidak boleh diterima pakai kerana tidak merangkumi bentuk-bentuk pernyataan politik yang tidak secara langsung atau dalam erti kata lain tersembunyi dan dilapik dengan perlambangan, teknik dan lain-lain aspek seni. Hal ini demikian kerana definisinya hanya memasukkan pernyataan politik secara langsung semata-mata.

Sementara definisi yang dicadangkan oleh Sahlan Mohd Saman seperti yang telah disebut sebelum ini, kelihatan mengkhususkan politik kebangsaan dan memestikan kehadiran individu berpolitik yang terlibat dengan urusan politik kepartian. Ini menyalahi kalimat politik itu sendiri, yang menawarkan sesuatu yang lebih daripada itu. Politik antarabangsa adalah satu lapangan politik juga dan persoalan korupsi misalnya dalam sesebuah kerajaan tidak melibatkan soal politik kepartian tetapi ia masih dikira sebagai sesuatu yang berada di bawah istilah politik juga. Ini bermakna definisi ini juga kurang sesuai.

Definisi Morris Edmund Speare pula tampak ketat dan tertumpu kepada hal-hal *parliamentary* sifatnya. Speare menyempitkan novel politik kepada hal-hal sangat berkaitan dengan pembinaan undang-undang.

Apatah lagi bagi beliau novel politik mengabaikan emosi, iaitu idea adalah elemen paling utama. Demikianlah juga halnya dengan definisi H.A.L Fisher dan Joseph Blotner yang dapat dikatakan lemah untuk diterima pakai.

Pengertian-pengertian sempit dan kurang tepat, dengan ini telah diketepikan. Perbincangan dalam kalangan sarjana-sarjana Barat mengenai maksud sebenar novel politik terus berkembang selepas Speare, Fisher dan Blotner.

Irving Howe (1961), seorang lagi sarjana Barat, dalam tahun 60-an, melakukan kajian terhadap novel-novel politik nampak lebih terbuka dalam memberi pengertian kerana bagi beliau, '*that I meant by a political novel any novel I wished to treat as if it were a political novel*' iaitu novel politik bergantung kepada tanggapan pembaca sama ada ia sebuah novel politik atau tidak. Howe kemudian menghuraikan lagi apa beliau maksudkan sebagai novel politik:

By a political novel I mean a novel in which political ideas play a dominant role or in which the political milieu is the dominant setting (Irving Howe, 1961, hlm. 17).

Novel politik bagi Howe ialah novel yang memiliki idea politik yang memainkan peranan yang dominan atau keadaan apabila persekitaran politik menjadi latar yang dominan. Dalam menjelaskan maksud dominan pula, Howe menjelaskan:

A novel in which we take to be dominant political ideas or the political milieu, a novel which permits this assumption without thereby suffering any radical distortion and, it follows, with the possibility of some analytical profit (Irving Howe, hlm. 18).

Howe seterusnya menyenaraikan kriteria lain yang menurut beliau harus dimiliki oleh sesebuah novel yang dikategorikan sebagai *political*. Iaitu wujudnya perbincangan mengenai ideologi, mewakili kemanusiaan, dan beliau menganggap novel politik mestilah mempunyai tujuan khusus untuk mempengaruhi pembaca. Howe di sini, terlalu menekankan idea politik.

Pada beliau idea politik mestilah menguasai novel tersebut dan, '*it is politics above all, politics as both temptation and impediment*' atau politik mengatasi pesona dalam karya. Definisi Howe ini kemudiannya disanggah Michael Wilding (1980, hlm. 2-5) yang bagi beliau, Howe telah melihat maksud novel itu sendiri secara umum, menerusi kerangka '*bourgeois realist novel*'.

Oleh sebab Howe mengelompokkan novel politik dalam rangka *bourgeois realism* dengan merujuk novel-novel Jane Austen, beliau dengan ini hanya melihat novel politik sebagai satu perkembangan pesat daripada novel sosial. Tegasnya, pada Howe, novel politik adalah satu rentetan atau satu cabang *nineteenth-century bourgeois realism*. Bagi Wilding hal ini sahaja telah menunjukkan definisi Irving Howe tidak adil dan boleh diragui.

Menurut Wilding lagi, novel politik boleh dilabel sebagai novel masyarakat, novel sejarah, utopia dan tidak wajar disempitkan. Kategori-kategori ini saling bertindihan tanpa disadari:

Political fictions can take many forms. What we can call a political novel might also be called a novel of society or a novel of colonialism, an historical romance, a utopian fantasy or a fable. Political fiction is not something to be narrowly defined. Categories overlap (Michael Wilding, 1980, hlm. 1).

Wilding menegaskan bahawa fiksyen politik boleh muncul dalam bentuk apa-apapun. Sesuatu yang boleh dipanggil sebagai novel politik boleh juga dikatakan sebagai novel kemasyarakatan atau novel kolonialisme, atau sebuah roman sejarah, fantasi utopia dan dongengan.

Fiksyen politik bukan sesuatu yang berdefinisi sempit. Kategorinya tiada had. Beliau seterusnya membincangkan ciri-ciri pada novel politik dan beliau menegaskan keperluan perbincangan isu politik dalam novel tersebut. Emosi dan idea misalnya perlu seimbang dan tidak saling menguasai. Seterusnya beliau menjelaskan pula bahawa pilihan dan konfrontasi dalam fiksyen politik menjelaskan pilihan dalam kehidupan dan konfrontasi dalam politik:

The formal choices and confrontations of political fictions represent life choices, political confrontations. The mixed mode is not unique to political fiction. But with political fiction it is easier to see the political choices behind the opposing modes (Michael Wilding, 1980, hlm. 11)

Ini bermakna novel politik menawarkan pelbagai ‘*mode*’ atau pendekatan dan daripada pendekatan-pendekatan ini, ia memudahkan pembaca membuat pilihan-pilihan darihal politik yang juga beragam.

Pandangan Wilding boleh dipersetujui apabila mengatakan bahawa novel politik tidak wajar dikelompokkan dalam rangka tertentu seperti *bourgeois realism*, atau novel politik harus juga diimbangi dengan nilai estetik bukan sekadar nilai politik.

Namun Wilding dilihat terlalu terbuka dan meletakkan novel politik sebagai menumpang dalam pelbagai bentuk tanpa diikat oleh identiti atau ciri tersendiri. Apa yang disebut oleh Wilding sebelum ini mengenai pendekatan utopia, fantasi atau roman, sebenarnya, lebih merujuk kepada pendekatan penulis.

Seseorang pengarang kreatif berhak memilih apa jua aliran dan pendekatan atau pengarang novel boleh menggabungkan kategori novel politik ini dengan pelbagai kategori lain berdasar kreativiti dan minat termasuk menulis sesuatu yang bersifat *political* dalam bentuk sejarah misalnya.

Kesukaran meletakkan satu definisi novel politik ini diakui juga oleh Gordon Milne, seorang pengkaji kepada beberapa novel politik Amerika Syarikat, dipetik pendapat beliau:

The problem of definition is somewhat compounded by the close relationship among political, economic, and social novels, and between the political novel and such a specialized form as ‘utopian’ fiction (Gordon Milne, 1966, hlm. 5).

Milne menekankan betapa hubungan yang amat kuat antara novel bertemakan politik, sosial, ekonomi dan juga apa yang dinamakan sebagai utopia. Ini sahaja menyukarkan satu definisi yang

tepat. Milne kemudian memberi kriteria yang pada pandangan beliau sepatutnya dimiliki oleh novel politik:

Just as a political discussion apt to be heated, so is a political novel. The best one, well, even the worst, generate considerable passion, bringing their ideas to life, stirring the reader's emotions and provoking controversy (Gordon Milne, hlm. 7).

Ini bermakna Milne juga menekankan betapa idea politik dan emosi tidak wajar dikorbankan, malah Milne menyarankan novel politik itu sesuatu yang boleh menimbulkan kontroversi. Milne juga menambahkan novel politik mengandungi unsur-unsur dramatik, propaganda serta mestilah boleh mempengaruhi pembaca. Dalam erti kata lain, kejayaan objektif novel turut diambil kira:

The good 'opinion novels' contain drama as well as propaganda and their treatise is subtly presented. Even if the reader refuses to accept the thesis, he feels his own commitments complicated and is altered and even 'enriched' by the work – perhaps to the point of moving in to the political arena himself (Gordon Milne, hlm. 8).

Apa yang menarik berdasarkan perkara yang disebut Milne di sini adalah penekanan terhadap kewujudan nilai propaganda dalam novel politik. Kata-kata Milne ini boleh dipersetujui kerana beliau sekadar merujuk kepada unsur-unsur propaganda dalam novel dan tidak pula sampai menyamakan novel politik dengan novel propaganda.

Berdasarkan definisi-definisi di atas, makalah ini berpegang pada novel politik adalah novel yang memuatkan idea atau lingkungan politik, mempertahankan emosi serta tidak mengorbankan aspek seninya. Ia boleh muncul dalam kategori-kategori lain seperti sejarah, utopia atau roman dan menerusi pelbagai pendekatan seperti realisme, realisme magis atau *fable*.

Busa Hati Sebagai Mini Sabah

Arena Wati dilahirkan pada 30 Julai 1925 di Makasar, Indonesia. Apabila perang dunia meletus, Arena Wati memulakan kariernya sebagai pelaut. Arena Wati terjun dalam dunia kewartawanan sekitar tahun 1954 dan pernah menjadi editor di Pustaka Antara. Beliau menerima anugerah Sasterawan Negara pada tahun 1988.

Trilogi Sasterawan Negara ini ialah *Trilogi Busa*. Jilid pertama berjudul *Busa Hati* menyentuh kerencaman politik etnik di Sabah yang melibatkan Malaysia (atau kerajaan persekutuan secara menyeluruhnya). Ia bermula dengan kematian Ginsu, di mana segala susur keluarga yang berseliratan mulai mengambil tempat dan berjalan di atas tali waktu yang pendek, ia bergerak dari jam demi jam tetapi sebenarnya tali waktu itu lebih panjang, yakni menghimbau dunia lampau. Kelompok beragama Islam yang tidak bersatu telah tewas dalam pilihanraya Sabah di tangan kelompok gabungan Pagan, Kristian dan Cina dengan kecam perdananya terhadap politik wang.

Jilid kedua pula yang berjudul *Busa Sukma*, merenung ke dalam kacau politik Sarawak. Malah disogokkan juga pertumpahan darah antara kaum Melayu dan Dayak. Isu konspirasi dengan imaginasi tinggi santak melibatkan CIA menjadi permainan baru Arena Wati. Perpecahan bangsa Malaysia, misalnya diberi khayalan tinggi bahawa boleh jadi dalangnya Amerika. Terakhir adalah jilid ketiga, *Busa Kalbu* yang memperlihatkan perpecahan dua kumpulan dalam parti utama di Semenanjung Malaysia sehingga mencetuskan huru-hara di Kuala Lumpur. Apa yang menarik tetapi lebih liar imaginasinya adalah adanya gempa bumi di Semenanjung ketika krisis politik itu terjadi.

Makalah ini hanya melihat novel *Busa Hati*. Novel ini mengisahkan resah sebuah keluarga besar selepas kematian kuasa matriarki iaitu Ginsu. Menerusi latar masa yang disorot jam demi jam, *Busa Hati* menurunkan drama keluarga menerusi anak, cucu dan cicitnya. Terdapat banyak watak yang berseliratan dan saling berbaur. Namun demikian, plot utama yang menjadi teras *Busa Hati* memberi perhatian kepada anak bongsu Ginsu, Basirun, yang lahir di Sabah tetapi kemudian diterima menjadi rakyat Indonesia dengan pangkal Jeneral. Karya ini seterusnya memperlihatkan bagaimana Basirun mematahkan campur tangan asing di Sabah (tentera bawah tanah Jepun Red Guard), mewaraskan permusuhan politik ekoran panasnya pilihanraya negeri Sabah, dan menyarankan satu projek pembangunan di atas tanah milik keluarganya untuk penanaman kacang soya. Dalam sela dan celah plot itulah tampil isu-isu politik yang dimanipulasi oleh Arena Wati agar dapat menyatakan pandangan dan pendapat politik beliau.

Seperti yang telah dinyatakan jauh lebih awal, *Busa Hati* menabur pelbagai isu politik Sabah. Akan tetapi makalah hanya akan memberi sorotan khusus kepada persoalan rasuah yang berbangkit ketika pilihanraya negeri. Persoalan ini yang dapat dianggap sebagai hulu atau induk masalah telah menyebabkan pelbagai krisis lain timbul.

Dalam *Busa Hati*, pengarang mengetengahkan lanskap politik Sabah menerusi tiga parti politik yang disamakan, tetapi masih boleh dicamkan. Parti-parti itu ialah Parti Kongsi (berfahaman sekularisme-liberalisme), Parti Gunung (ideologi sosialis dan terdiri dari pelbagai kaum) manakala Parti Kerbau memperjuangkan hak peribumi Sabah yang terlihat dihakis di bawah pemerintahan Parti Kongsi yang terasnya masyarakat Kadazan Dusun Murut (KDM).

Salah seorang pengkaji sastera Melayu yang telah pun melakukan pemerhatian terhadap novel *Busa Hati* ini iaitu Che Abdullah Che Ya dalam 'Gambaran Konflik Politik Dalam Kalangan Masyarakat Sabah' (2016, hlm. 19) telah merungkaikan kod-kod politik yang disamakan ini:

'Pengarang menggambarkan, setiap parti politik itu didukung oleh pihak-pihak tertentu dalam memperjuangkan kepentingan masing-masing. Parti Kongsi adalah sebuah parti yang bersifat sekular dan materialistik, manakala Parti Gunung dan Parti Kerbau adalah dua buah parti yang bersifat cuba memperjuangkan hak-hak peribumi Sabah yang tertindas akibat angkara Parti Kongsi sebelum ini. Ini kerana, semenjak Parti Kongsi memerintah Sabah segala tanah yang dimiliki orang kampung kebanyakannya telah habis terjual. Begitu juga halnya dengan isu Labuan, di mana dengan mudahnya sahaja ia telah diserahkan oleh pemimpin Parti Kongsi kepada pihak persekutuan walhal Labuan merupakan antara daerah yang termasuk dalam kawasan negeri Sabah Arena Wati melalui *Busa Hati*, melukiskan ketiga-tiga Parti Politik ke dalam karyanya dapat disamakan dengan parti politik di Sabah yang mengalami kemelut politik yang berpanjangan, sehinggalah ia cuba diselesaikan dalam era kepimpinan perdana menteri pada masa itu, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Parti Kongsi yang digambarkan oleh pengarang dalam novel ini sebenarnya merujuk kepada Parti Berjaya yang mana ia pernah dipimpin oleh Datuk Seri Harris Salleh, Parti Kerbau pula ialah sebuah Parti milik Kadazan-Dusun yang dipimpin oleh Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan dan nama sebenar parti ini iaitu Parti Bersatu Sabah. Manakala Parti Gunung seperti yang dilukiskan oleh pengarang ialah Parti USNO, di mana parti ini pernah dipimpin oleh Tun Mustafa.'

Pandangan Che Abdullah Che Ya ini bagaimanapun tidaklah sepenuhnya benar kerana Arena Wati dipercayai menyorot suasana politik sepanjang era 1980an-1990an yang mana Tun Abdullah Ahmad Badawi masih belum menjadi pemain politik di peringkat nasional secara penting. Namun demikian percakaran politik yang disentuh beliau dapat dikatakan hampir tepat, di mana *Busa Hati* (2002) oleh Arena Wati berjaya merekodkan pelbagai pergolakan ini.

Gejala Rasuah Dalam Pilihan raya Negeri Sabah

Menurut Mohd Nordin Ahmad (1995, hlm. 77-97) yang merupakan bekas Timbalan Ketua Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam sebuah kertas berjudul ‘Masyarakat Melayu: Budaya Rasuah dan Penyelesaiannya’, menyatakan terdapat pelbagai jenis rasuah, antara lain dijeniskan kepada tujuh bentuk yang berasaskan sebab rasuah itu dilakukan; iaitu *transactive* (suka sama suka), *extortive* (didesak), *defensive* (takut tindakan), *nepotistic* (pilih kasih), *supportive* (bersubahat), *antegenic* (ambil kesempatan) dan *investive* (kononnya pelaburan).

Gejala rasuah misalnya adalah sesuatu yang serius dan merupakan satu kesalahan ketika kempen pilihan raya seperti mana yang telah digariskan oleh Suruhan Jaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Sebagai contoh, di dalam Seksyen 8 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 mengenai penjamuan; seseorang calon boleh dianggap melakukan rasuah dengan menawarkan barangan dapur termasuklah makanan kering, atau minuman; kepada bakal pengundi kerana tindakan tersebut menunjukkan penghargaan supaya pengundi memilih mereka. Petikan Seksyen 8 adalah seperti berikut:

‘...dan tiap-tiap orang yang secara rasuah... memberikan atau mengadakan atau membelanjakan apa-apa makanan, minuman, atau makanan atau minuman ringan atau bekalan itu atau mana-mana wang atau tiket itu atau yang menggunakan apa-apa cara atau tipu daya lain bagi maksud untuk mempengaruhi...supaya memberikan atau tidak memberikan undinya dalam pilihan raya itu.... untuk membolehkan makanan, minuman, makanan atau minuman ringan atau bekalan itu didapatkan bersalah atas kesalahan menjamu.’

Manakala Seksyen 10 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 perihal penyogokan pula menyatakan yang penyogokan berlaku ‘sekiranya calon atau individu menawarkan ‘pembelian undi’ sama ada secara langsung atau tidak langsung seperti memberikan atau menawarkan wang, hadiah, pekerjaan, atau pinjaman ketika proses pilihan raya’ (Akhbar Satar, 2021).

Penjamuan dan sogokan yang dinyatakan di atas tidak syak lagi merupakan satu bentuk hadiah yang dapat dimaksudkan sebagai suapan atau rasuah menurut Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (SPRM, 2017, hlm. 2-3).

Mohd Nordin Ahmad (1995, hlm. 77) seterusnya dalam pembentangan beliau pada 17 Januari 1995 untuk seminar bertajuk ‘Masyarakat Melayu dan Gejala Sosial: Proses Penyelesaian Ke Arah Pembinaan Masyarakat Melayu Cemerlang Abad Ke-21’ itu menegaskan jenayah rasuah merupakan satu ancaman besar terhadap negara menyamai musuh negara seperti gejala dadah dan fahaman Komunis; ‘rakyat Malaysia perlu ingat bahawa ancaman rasuah haruslah dipandang serius sama seperti ancaman Komunis, pertelingkahan kaum dan penagihan dadah.’

Oleh sebab rasuah berlaku ketika kempen pilihan raya berlangsung, dapat diujahkan ia boleh mengganggu perjalanan demokrasi di negara ini. Dalam hal ini bekas Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Kofi Annan (2004) dalam ‘United Nations Convention Against Corruption (UNCAC)’ menegaskan korupsi boleh membuka ruang kepada penindasan oleh pihak yang lebih berkuasa terhadap yang lemah, menimbulkan kekacauan dalam sektor ekonomi, menggugat kestabilan dan mutu hidup warga negara selain menggendalakan perjalanan demokrasi yang sihat:

‘Corruption is an insidious plague that has a wide range of corrosive effects on societies. It undermines democracy and the rule of law, leads to violations of human rights, distorts markets, erodes the quality of life and allows organized crime, terrorism and other threats to human security to flourish. This evil phenomenon is found in all countries—big and small, rich and poor—but it is in the developing world that its effects are most destructive.’

Bahkan bekas Pesuruhjaya Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Navi Pillay (2013), melihat korupsi atau rasuah adalah halangan terbesar kepada pelaksanaan hak asasi manusia yang merentasi aspek sivil, politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan, termasuklah pembangunan. Ini kerana rasuah mencabuli prinsip paling asas dalam hak asasi manusia iaitu ketelusan, kebertanggungjawaban, integriti, anti diskriminasi dan akses untuk terlibat dalam setiap aspek kemasyarakatan.

Persoalan korupsi dan gejala rasuah ini menjadi tema yang cukup dominan dalam novel *Busa Hati* ini khusus kerana latar masanya menyorot suasana ketika kempen pilihan raya yang sekaligus naratifnya melibatkan watak-watak dalam cerita. Idea-idea yang dipersembahkan pengarang iaitu Arena Wati mengenai kekacauan politik di Sabah seperti penindasan pihak yang lebih berkuasa terhadap yang lemah, kemeruduman ekonomi, dan gangguan terhadap kestabilan dan mutu hidup warga Sabah termasuklah kecamuk yang terlihat pada perjalanan demokrasi adalah berhulukan gejala rasuah. Semua kelemahan ini membuka kesempatan kepada musuh negara untuk memporak-perandakan negeri, yang mana dalam konteks novel *Busa Hati* ditampilkan menerusi teroris dari negara Jepun.

Untuk menunjukkan gejala rasuah dalam pilihan raya negeri Sabah ini, makalah hanya akan menampilkan empat contoh rasuah dari jenis-jenis rasuah yang disebutkan menerusi poin-poin yang digariskan oleh Mohd Nordin Ahmad (1995, hlm. 77-97) dalam makalah beliau, 'Masyarakat Melayu: Budaya Rasuah dan Penyelesaiannya' seperti yang telah disebut lebih awal.

Suka Sama Suka

Hamburan wang untuk rakyat ketika pilihanraya negeri tidak akan menjadi-jadi sekiranya pengundi atau rakyat sendiri memahami bahawa politik wang dan pembelian undi itu adalah salah dan merupakan satu rasuah.

Salah satu punca kegagalan memahami bahawa politik wang itu adalah satu rasuah ialah kerana sistem sedia ada membenarkannya. Misalnya, seseorang ahli politik dan pegawai awam dapat menjadi korup kerana sistem yang telah ada membenarkan kelakuan hodoh ini. Hal ini misalnya ada disebutkan oleh bekas Timbalan Presiden Transparency International, Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim (2005, hlm. 207-208); *'Unethical public behaviour is often traceable to institutional failures. Individual officials, whether elected or appointed, who are corrupt and found wanting on moral or ethical grounds are not inherently crooked. The turn out to be rotten because the institutions where they serve have not addressed internal weaknesses, and, therefore, provide opportunities for corruption.'*

Rasuah yang berlaku secara suka sama suka dalam hal ini menjadi satu gejala kerana ia tidak dikenali sebagai satu rasuah atau korupsi memandangkan sistem membenarkannya. Hal ini terjadi kerana rasuah dianggap satu kemestian dan bukan satu kesalahan.

Seperti yang terlihat dalam amalan politik, rasuah yang diberikan kepada pengundi dianggap satu norma biasa. Hal ini ditunjukkan oleh Arena Wati dalam *Busa Hati*:

'Basirun tercengang. "Bukankah salah membahagi wang dalam kempen pilihan raya?' Bahrum ketawa mengejek, 'Begitu undang-undang pilihanraya di atas kertas. Peraturan itu dibuat di Kuala Lumpur. Wang balak Yayasan Sabah untuk orang Sabah. Saham Amanah itu di Kuala Lumpur. Bukunya pun dari Kuala Lumpur. Tapi buku yang dibawa ke Sabah itu, diisi wang Sabah. Jadi wang Sabah kepada orang Sabah, melalui buku Saham Amanah, yang dibawa dari Kuala Lumpur. Jangan salahkan Sabah, kalau orang Sabah terima wang Sabah.' (Arena Wati, 2002, hlm. 127).

Perenggan di atas bukan sahaja memaparkan gejala rasuah yang meruncing tetapi juga menunjukkan bagaimana pengaliran wang dari Semenanjung sedang mempengaruhi politik setempat iaitu Sabah. Dalam pada itu, masyarakat Sabah pula beranggapan rasuah tersebut tidak bersalahan sama sekali kerana menganggapnya sebagai pulangan kembali hasil bumi Sabah.

Hal ini menjadi sangat menjolok mata memandangkan masyarakat kekurangan etika. Gejala inilah yang dikritik oleh Arena Wati dan ditampilkan dalam karya ini untuk menunjukkan bagaimana etika yang gagal diinstitusikan dapat membuka kelompongan di mana korupsi akhirnya menjadi sesuatu yang lumrah:

'Ethics must therefore be institutionalised. An institutional ethics regime must not be imposed from outside: it must be 'owned by those who are part of the institution' (Tunku Abdul Aziz, 2005, hlm. 208).

Oleh sebab ketiadaan etika dan keampuhan institusi dan sistem yang baik, makanya undang-undang pilihanraya tersebut dipersendakan oleh pengundi, seperti ditampilkan dalam novel ini; 'begitu undang-undang pilihanraya di atas kertas. Peraturan itu dibuat di Kuala Lumpur.'

Petikan ini menunjukkan lemahnya tekad untuk membendung rasuah ketika pilihan raya sehinggalah rasuah dianggap satu aksi biasa suka sama suka.

Arena Wati juga mengkritik tajam masyarakat atau pengundi yang tidak menimbangkan kejernihan fikiran sebelum memilih calon atau parti untuk mewakili mereka. Sebaliknya dikuasai oleh wang:

'Pak Imam gelak, "Terus ke bawah. Kepala Daerah, Ketua Anak Negeri, Ketua Kampung, Orang Tua-tua, Juri Mahkamah Anak Negeri, semua lantikan politik."

"Kriteria kelayakan?" Basirun menjolok.

"Siapa hirau kelayakan? Yang penting ialah 'boleh' menjilat dan mengampu."

"Abang yakinkah parti kerajaan akan menang besar?"

"Undi di tangan rakyat. Begitu pun cuma Tuhan Yang Maha Tahu. Rakyat tak kira siapa. Undi itu wang. Jika pandai jilat, dapatlah kedudukan."

"Abang sentimen." Basirun ketawa. "Mesti ikhlas! Perlu sabar!"

"Hidup saya, masjid pada waktunya; tanah pagi dan petang; malam di laut."

"Hal duit dalam kempen itu, betulkah?"

"Kempen di rumah, sudah pasti sekeping wang lima puluh bagi satu undi. Jika ada pengaruh, dapat berat untuk kecek isi rumahnya. Kalau lebih kuat lagi kepingan wang seribu beberapa lembar."

"Mana abang tahu?" Basirun merenung Pak Imam.

"Saya alami."

"Abang terima?"

"Kau lihat ini!" Pak Imam keluarkan daripada celepah tembakaunya sekeping demi sekeping wang kertas."

"Kau tahu? Rumah ini sudah enam kali didatangi tiga parti. Hah ini, berapa puluh keping wang lima puluh? Ini lihat berapa puluh keping wang seratus dan lima ratus?" Dia tuang tembakau.

Dari dasar celepah itu, dia keluarkan lembaran besar warna biru. "Ini, belum cukup sepuluh lembar wang seribu. Tak luak."

"Kalau begitu, abang terima!" Basirun berseru takjub dan mencebik.

"Kalau saya tak ambil pun, mereka akan lulur sendiri." (Arena Wati, 2002, hlm. 86)

Dalam hal ini rasuah yang menjadi-jadi seperti digambarkan dalam *Busa Hati* berlaku kerana suka sama suka, malahan telah dineutralkan di dalam sistem. Ini merupakan masalah kerobohan etika yang mendapat perhatian pengarang.

Bersubahat

M. Kamal Hassan (2021, hlm. vii) dalam bukunya yang berjudul ‘Corruption and Hypocrisy in Malay Muslim Politics: The Urgency of Moral-Ethical Transformation’ menyebutkan masalah rasuah yang disamakan sebagai ganjaran menjadi-jadi lantaran tiadanya etika dalam kalangan penggerak nadi parti politik; ‘...*the corrupt Malay-Muslim political culture, system and behaviour coupled with the widening disunity require urgent transformational measures. With the prospect of a more uncertain, pandemic-ridden, turbulent climate emergencies, and prolonged political crisis in the country and globally, the transformation has to take place at the most fundamental levels - the spiritual, moral and ethical consciousness of political leaders, cadres followers and supporters.*’

Untuk memastikan pendanaan parti politik telus, maka usaha untuk menggubal akta pendanaan parti-parti politik hendaklah digubal. Jika ia tidak dilakukan negara akan terhumban dalam kancang jenayah. Ini kerana seperti yang ditonjolkan oleh Arena Wati dalam *Busa Hati*, pendanaan dalam bentuk yang salah amat berleluasa. Undang-undang mengawal pendanaan parti-parti politik akan membolehkan penentuan had perbelanjaan calon semasa kempen pilihan raya, dan peraturan serba jelas tentang sumbangan dan perbelanjaan politik. Ini lantaran ahli politik atau calon mungkin beroleh dana besar dari dalam dan luar negara. Ini menimbulkan kemusykilan jika dana parti itu didapatkan dengan cara yang sah menurut undang-undang atau sebenarnya melibatkan satu usaha jenayah kewangan terancang yang menjurus kepada rasuah.

Dana politik yang tidak jelas juga boleh menggugat kedaulatan negara. Di dalam *Busa Hati*, pengarang secara fiktif telah mengubah bagaimana pihak atau musuh luar iaitu Red Guard Jepun berusaha untuk ‘menggangu pilihan raya di Sabah’. (Arena Wati, 2002, hlm. 114).

Selain itu, dalam salah satu bab *Busa Hati*, watak Zaitun seorang profesor dari Semenanjung terkejut melihat ramainya pekerja parti dari Semenanjung berada di Sabah. Zaitun menyedari kehadiran ‘unsur Semenanjung’ itu didanai oleh perbelanjaan besar dalam bentuk pendanaan pilihan raya yang tidak transparan.

‘Dalam lubuk hati, Zaitun kian meriah gambaran wang kertas - lima puluh, seratus, lima ratus, seribu - daripada tangan pemujuk undi ke tangan pengundi. ‘Benarkah celoteh wanita semalam?’ Zaitun ingat borak kaum wanita parti yang bocor mulut bahawa partinya akan menang sebab dukungan bulat dari Kuala Lumpur. ‘Tapi kami pun bayar mahal juga. Setiap orang dapat ganjaran. Ahli biasa lima ribu. Ahli jawatankuasa cawangan, sepuluh ribu. Ahli jawatankuasa bahagian, dua puluh ribu. Ahli jawatankuasa negeri tiga puluh ribu. Exco, lima puluh ribu. Timbalan Menteri lima puluh ribu. Menteri seratus ribu, pemimpin terbesar berjuta.’ Zaitun mengerutkan mukanya menghitung dalam kepala, ‘Jika diambil purata dua puluh lima ribu seorang dikali dua ribu lima ratus, berapa?’ Dia mengeluh: ‘Babi busuk! Enam puluh dua juta lima ratus ribu ringgit.’ (Arena Wati, 2002, hlm. 74).

Perenggan di atas memaparkan kekotoran kempen pilihanraya di mana sogokan wang berleluasa dilakukan. Pencongkakan habuan ini menggambarkan bagaimana bentuk rasuah ini menjadi satu norma yang tidak disedari malah tidak dianggap sebagai satu bentuk kenistaan.

Petikan yang diketengahkan ini menampilkan bagaimana Arena Wati selaku pengarang mengkritik permainan politik wang yang asalnya satu lumrah di dalam parti kemudian melarat ke dalam kempen pilihan raya sehingga mengakibatkan harga sebuah pilihan raya menjadi begitu mahal. Jika pembelian undi dilihat sebagai satu aksi suka sama suka, pendanaan parti politik ketika kempen pilihan raya pula dinamai ‘ganjaran’.

Undang-undang yang jelas mengenai pendanaan parti politik ini boleh menghindarkan rasuah dan korupsi, dan mengenal pasti siapakah mereka yang bersubahat dalam melakukan rasuah ketika pilihan raya, dan siapa pula yang tidak.

Selain pendanaan dalam bentuk yang salah seperti di atas, Arena Wati juga menggambarkan habuan dana ini juga mendorong berlakunya jenayah lain. Sebagai contoh, *Busa Hati* memaparkan bagaimana rumah orang kampung dibakar dengan sengaja untuk membuka jalan bantuan ihsan dan sumbangan jasa daripada parti politik. Sebaik sahaja kebakaran sengaja ini terjadi, parti-parti politik akan menawarkan ‘ganjaran’ kononnya berbuat baik. Petikan novel di bawah didatangkan di sini:

“Mangsa kebakaran.” Bibah yang sahut.

Arman mengambil beban Salbiah, dan bertanya kepada Suhaili,

“Di mana?”

“Putatan. Lebih sepuluh buah rumah hangus!”

“Terus naik,” kata Bahrum. Dia dan Bibah membawa bisannya ke tangga depan.

“Habis, Run!” Bahrum mengeluh.

“Hampir dua puluh rumah rentung.”

“Padi habis,” keluh bapak mertua Suhaili. Suara garau, kerongkong tersumbat.

Basirun mati bahasa menyaksikan korban api itu, diikuti Suhaili turun tangga, duduk di balai. Matanya merah.

“Bukan di sini saja, pak Busu. Di daerah lain, hal begini sudah banyak terjadi, sejak hari Jumaat yang lalu.”

“Kemarau,” kata Basirun.

“Jika tak cermat jaga api dapur, beginilah jadinya.”

“Sudah ramai ditangkap,” kata Suhaili. “Itu semua kebakaran disengaja.

“Mana engkau tahu?”

“Polis tahu.”

“Untuk apa berbuat begitu?”

“Kempen pilihan raya. Untuk dapat undi.”

“Gila!” Basirun terpekik.

“Hari-hari sebelum berhenti kempen, beginilah. Dengan begitu, mereka dapat berebut membantu menunjuk jasa. Bantuan begitu diterima oleh para mangsa dengan pengertian terhutang budi, untuk dibayar undi.”

“Jangan tuduh tanpa bukti,” Basirun bentak.

“Saya sudah jangka, in akan berlaku di sekitar daerah ini. Saya tahu, mereka sudah menimbun papan, zink, paku, kayu tiang dan simen untuk tujuan itu.”

“Saya tidak mahu dengar,” Basirun membentak lagi. “Serakus-rakus manusia, tidak akan berbuat begitu.”

“Apa yang kau tak mahu dengar?” Pak Imam tiba dari sisi balai.

“Suhaili kata, kebakaran itu helah kempen pilihan raya.” (Arena Wati, 2002, hlm. 166-167).

Garapan insiden di atas dihasilkan oleh Arena Wati untuk menonjolkan kebobrokan pendanaan politik ketika kempen pilihan raya yang ternyata berlebihan dan membawa kepada jenayah yang lain. Ternyata pihak yang mengetahui dan mensengajakan kebakaran itu bersubahat untuk membolehkan pendanaan politik iaitu rasuah terjadi.

Ambil Kesempatan

Satu hal yang menjengkelkan dalam politik di negara ini adalah berlakunya amalan lompat parti politik dalam kalangan segelintir politikus. Ia merupakan satu bahagian dari korupsi yang mana berlakunya pengkhianatan terhadap mandat yang diberi rakyat dalam sistem demokrasi. Lompat parti bermaksud seseorang wakil rakyat yang telah dipilih secara sah dalam pilihan raya menerusi sistem demokrasi, membuat keputusan sendiri untuk menukar parti yang diwakilinya dengan alasan

kebebasan berpersatuan. Akibatnya parti yang diwakili kehilangan jumlah wakil di dalam badan legislatif seperti Parlimen, selain boleh menyebabkan kejatuhan sesebuah kerajaan atau pentadbiran. Lompat parti justeru boleh dilakukan dengan cara membeli seseorang calon atau wakil rakyat dan ini tentulah merupakan sesuatu yang tidak adil dan boleh meletakkan negara dalam keadaan huru-hara.

Aksi beli undi ini bukan sahaja berlaku dalam kalangan calon tetapi juga kepada penyokong parti. Arena Wati menunjukkan situasi tersebut di dalam *Busa Hati*:

“Bagaimana hasil pekerja kempen mereka?”

“Basirun percaya mereka? Tapi abang tidak salahkan kamu jika tidak tahu. Sudah terlalu lama tidak ada di negeri ini. Namun ingat cakap saya.

Mereka itu hanya mahu wang. Siapa beri lebih, di sanalah jadi abdi.”

“Boleh dibeli? Seperti ikan di pasar?” Basirun membuka mata.

“Ikan di pasar lebih baik, Run. Ada manfaatnya. Berkhasiat. Tapi mereka itu, lebih hina daripada sampah. Nah, engkau lihatlah sampah di belakang rumah itu. Apa saya buat? Buang sampah plastik. Sampah lainnya saya bakar dalam lubang. Abunya saya simpan hingga kena hujan. Sudah itu, saya jadikan baja. Tapi sampah manusia begitu, mahu dibikin apa? Itu penyakit, Run. Mudah menular kepada kehidupan masyarakat. Orang begitu jadi alat busuk yang berkuasa dan itu sudah terlalu banyak merosakkan yang berkuasa - sedari atau tidak.” (Arena Wati, 2002, hlm. 87-88).

Kritikan dan sindiran Arena Wati menyamakan kelompok perasuah dan penerimanya sebagai sampah menunjukkan ketajaman perumpamaan dalam novel *Busa Hati*.

Di dalam *Busa Hati* juga Arena Wati menunjukkan bagaimana amalan katak dan lompat parti ini berakarkan politik yang kotor, iaitu ‘melompat kepada yang menang’:

“Bagaimana akan dipercayai orang kalau mereka sendiri tidak percaya antara satu sama lain?” Soalan Gibong mengejutkan Basirun. “Dalam pilihan raya ini mereka pecah jadi empat - Kerbau, Gunung, Kongsi, dan Bebas.” Mata dia bergilir dari Bibah kepada Basirun. “Saya sudah terancam. Bila pilihan raya ini selesai, mereka akan pecat saya daripada jawatan Pembantu Ketua Daerah. Boking pun akan dipecat daripada kedudukan Orang Tua-tua dan juri Mahkamah Anak Negeri.”

“Siapa kata begitu?” Suara Bahrum tajam.

“Libun dan Sadukong sudah sepakat begitu.”

“Kedua-dua orang tua itu dalam Kongsi. Mereka akan kalah. Jangan bimbang”

Gibong mengeluh. “Mereka akan segera melompat kepada yang menang.” Dia marah. “Sekarang mereka sudah kaya. Kaut daripada Kerbau. Bolot daripada Kongsi.”

“Begitu burukkah kesannya politik kepada keluarga Ginsu?” Basirun meradang. “Berapa banyak kekayaan mereka kumpul daripada permainan busuk dalam politik?”

“Permainan politik busuk itu dan...” Suara Gibong putus. Dia tunduk.

“Apa maksud abang?” Basirun mendesak.

“...perbuatan kotor.” Terhenti lagi. Hatinya kian terasa pedih. Selama ini nasihatnya tidak dihirau adik-adik iparnya. Mereka gadai pusaka untuk berjudi lumba kuda. Mereka khidmati pemimpin politik, bawa dara dari kampung, ditebuk haram di kota.

‘Tak mengapalah. Biar saya berhenti. Kami ini apa sekarang? Ketua Daerah, Ketua Anak Negeri, Ketua Kampung, Orang Tua-tua; tak lagi macam zaman Gunung berkuasa dulu, bersih dan lancar. Sekarang ini, itu semua sudah dikotorkan politik.’ (Arena Wati, 2002, hlm. 56-57).

Dalam bahagian di atas juga, Arena Wati memperihalkan bagaimana jawatan-jawatan berpengaruh dalam masyarakat menjadi jajaan oleh kuasa politik. Arena Wati mengisyaratkan bahawa jika seseorang itu berada di posisi yang boleh menentukan atau membuat keputusan, sebagai contoh seorang pemimpin yang boleh dibayar, tentulah keadilan boleh dijual beli dan digalang ganti.

Keadaan sedemikian menyebabkan masyarakat menjadi kucar-kacir. Dalam hal ini politik bukan lagi untuk tujuan murni berkhidmat buat masyarakat tetapi menjadi tawaran untuk meneruskan kuasa.

Bekas Ketua Polis Negara, Abdul Hamid Bador mengecam kegiatan lompat parti ini yang menurut beliau membuatkan negara ini berada dalam keadaan tidak teratur lantaran ahli politik yang terlalu memiliki banyak wewenang. Kegiatan pembelian calon parti dan juga ahli politik adalah perbuatan memperlecehkan keluhuran undang-undang; ‘Sudah lama rakyat tengok perbuatan ini, muak terhadap sekejap katak lompat sana-sini. Ia memberikan gambaran tidak baik, seolah-olah negara ini tiada undang-undang dan sesiapa pun boleh melalukan (apa sahaja) untuk membeli (ahli politik)’ (Muhammad Yusri Muzamir, 2021).

Kononnya Pelaburan

Terdapat juga rasuah yang menyebabkan hak rakyat tergadai. Dalam hal ini, yang menjadi sorotan utama adalah bagaimana tanah milik peribumi Sabah tergadai oleh permainan politik kotor kelompok politik tertentu.

Dalam konteks ini rasuah yang terjadi bukanlah dalam bentuk pemberian dan penerimaan berbentuk wang ringgit tetapi korupsi mengambil tempat dengan cara penggadaian tanah tertentu sebagai satu janji untuk memenangi pilihan raya.

Madeline Henry Luyan dan Gaim James Lunkapis (2016, hlm. 75) yang mengkaji mengenai perampasan tanah adat peribumi Sabah dalam makalah mereka ‘Konflik Hak Tanah Adat (Native Customary Rights) Kampung Imahit Tenom, Sabah’ menyatakan tanah-tanah adat ini diambil tanpa pengetahuan masyarakat secara diam-diam, dan tergadai tanpa pengetahuan mereka. Kedua-dua pengkaji memetik kenyataan Lian Bue, Ketua Kampung Long Pelutan, Masyarakat Penan, Sarawak, yang ikut mengalami masalah sama.

Madeline dan Gaim juga menyatakan ‘pewartaan tanah adat sebagai hutan simpan kelas II dilakukan tanpa mendapat persetujuan daripada penduduk’ dan ‘bahawa tuan punya tanah’ tidak ‘diberitahu bahawa tanahnya diambil oleh kerajaan dan mendapat pampasan yang mencukupi’. (Madeline Henry Luyan dan Gaim James Lunkapis, 2016, hlm. 77).

Arena Wati memberi gambaran korupsi yang tengik ini berlaku paling sengit ketika musim pilihan raya, dan menjadi habuan pertandingan pihak tertentu. Sembang rancak antara watak Tun Yang Terutama Sabah dengan Basirun (anak Sabah kini Jeneral di Indonesia) menunjukkan betapa seriusnya keadaan pewartaan tanah ini:

“Biar kuceritakan dulu tentang tanah milik tradisi.” Tun serius.

“Tanah jenis itu, umumnya di lereng gunung; jadi milik bersama bagi sesuatu kampung. Penduduk di situ jadikan tanah pertanian tanam-pindah. Mereka juga gunakan tempat berburu, meramu kayu, buluh, damar, dan rotan.”

“Masih begitu sekarang?” Minat Basirun meluap pada sumber ekonomi rotan.

“Ya! Tetapi tidak semua. Tanah tradisi begitulah yang banyak sudah dimiliki cara orang perseorangan. Ribuan hektar seorang.”

“Orang di kampung itu sendiri?” Mata Basirun besar.

“Orang besar. Dari bandar.”

Jawapan itu menggigit hati Basirun. “Tanah kebun?” tanyanya kemudian.

“Jenis tanah begitu milik pusaka peribadi - *native title*. Tanah pertanian. Setelah pusaka dibahagi sudah kecil bidangnya. Umumnya, luas sepeleuh ekar ke bawah setiap geran. Kamu tahu? Dari tahun 1977, setahun setelah Gunung jatuh sehingga sekarang, tanah jenis itu telah banyak bertukar daripada Bumiputera kepada non-Bumiputera.”

“Native title mansuh daripada undang-undang tanah?”

“Masih ada atas kertas. Tapi Pegawai Daerah diarahkan luluskan penjualan lot tanah yang sepuluh ekar ke bawah milik Bumiputera kepada non-Bumiputera.”

Mulut Basirun menganga.

“Sawah, bagaimana?”

“Sekarang, di Sabah, sawahnya di kedai.” Tun tertawa.

“Untuk apa bekerja di sawah? Beras dari Taiwan dan Thailand murah, sedap, dan wangi. Tetapi itu pahit dan busuk akibatnya.”

“Kenapa begitu?” Basirun tercengang.

“Lihat sekitar Daerah Tuaran, Penampang, dan Papar. Generasi baru penerima pusaka sawah, jual. Beli kereta. Sawah itu jadi perumahan.”

“Kalau begitu, tanah alami dua perubahan. Native title lebur. Tanah pertanian, jadi tapak perumahan dan perdagangan.”

Undang-undang itu kekal. Tetapi apa ertinya dibandingkan dengan wang (dan nafsu pemimpin?)

....

“Khabarnya, banyak wang beredar di Sabah setiap musim pilihan raya begini.”

“Mahu menang. Jika kalah perusahaan mereka runtuh.” (Arena Wati, 2002, hlm. 68-70).

Dalam kutipan di atas, tanah adat menjadi habuan politik antara pihak yang bertanding dan bertukar tangan tanpa pengetahuan pemilik yang sah. *Busa Hati* dengan itu berusaha membawa ke tengah isu tanah tradisi yang sering tergadai dan menjadi pelaburan kuasa politik. Isu tanah adalah antara isu yang begitu sensitif dan menjadi bahan politik setiap kali pilihanraya negeri Sabah.

Seterusnya pengarang mengkritik amalan memperdayakan penduduk kampung demi politik busuk, yang mengakibatkan aset tertentu berpindah tangan:

“Kedua-dua orang itu dalam Kongsi. Mereka akan kalah. Jangan bimbang.”

Gibong mengeluh. “Mereka akan segera melompat kepada yang menang.”

Dia marah.

“Sekarang mereka sudah kaya. Kaut daripada Kerbau. Bolot daripada Kongsi.” meradang.

“Begitu burukkah kesannya politik kepada keluarga Ginsu?” Basirun mendesak.

“Berapa banyak kekayaan mereka kumpul daripada permainan busuk dalam politik?”

“Permainan politik busuk itu dan...” Suara Gibong putus. Dia tunduk.

“Apa maksud abang?” Basirun mendesak.

“...perbuatan kotor.” Terhenti lagi. Hatinya kian terasa pedih. Selama ini nasihatnya tidak -dihirau adik-adik iparnya. Mereka gadai pusaka untuk berjudi lumba kuda. Mereka khidmati pemimpin politik, bawa dara dari kampung, ditebuk haram di Kota.” (Arena Wati, 2002, hlm. 56-57).

Gambaran Arena Wati dalam *Busa Hati* bagaimana harta keluarga Ginsu terjual oleh kebusukan politik ini dibina untuk menunjukkan pertautan antara pengkhianatan politik, iaitu ‘melompat kepada yang menang’ dengan kekayaan pihak tertentu yang ‘mereka kumpul daripada permainan busuk dalam politik’.

Realiti politik sebegini tidak syak lagi merupakan satu korupsi yang merosakkan negara dan peradaban.

Kesimpulan

Dalam satu Titah Diraja, Sultan Perak iaitu, Sultan Nazrin Shah (2014) bersempena ulang tahun penubuhan Badan Pencegah Rasuah (BPR/SPRM) ke-47, telah bersuara bahawa ‘rasuah adalah perbuatan pecah amanah’. Baginda seterusnya menegaskan betapa rasuah itu adalah ‘dosa masyarakat’, kerana ia merupakan ‘dosa pertama yang dilakukan manusia’ iaitu ‘kesalahan melanggar amanah’.

Sultan Nazrin juga bertegas dalam titah dirajanya, mengatakan rasuah adalah punca kebejatan dan kemusnahan sesebuah negara. Titah baginda itu dikutip:

‘Rasuah sebagai antara sebab utama membantutkan pertumbuhan ekonomi, menghilangkan minat pelaburan asing, meningkatkan kos pentadbiran dan urus niaga, menidakkan rakyat daripada mendapat perkhidmatan serta mendorong kepada berlakunya ketidakstabilan politik. Banyak negara dianugerahi rahmat Ilahi dengan pelbagai sumber kekayaan tetapi kerana rasuah, ada yang terbenam dalam kemelut kemunduran - ada yang tertimbus dalam lumpur kemiskinan. Kekayaan negara disalah guna - hasil mahsul lesap, akibatnya kemunduran terus melanda - kemiskinan terus merebak. Apabila tidak ada kesungguhan untuk membanteras rasuah, ia akan tumbuh melebar - subur membesar, lalu diterima sebagai norma dan akhirnya meresap menjadi budaya, hingga memusnahkan sesebuah negara bangsa.’

Dalam hal di atas, jika kita menghubungkan titah baginda dengan penjarah dan penjenayah rasuah, terdapat petunjuk yang jelas bahawa rasuah menjadi punca kepada kemelaratan dan kepapaan bangsa. Untuk mengingatkan keseriusan jenayah ini dalam kalangan pemimpin, baginda telah memetik satu penghakiman yang pernah dilakukan oleh ayahanda baginda, Hakim Raja Azlan Shah ketika mengenakan hukuman keras untuk Harun Idris, bekas Menteri Besar Selangor yang melakukan jenayah rasuah ini pada tahun 1976:

‘...the law is no respecter of persons. Nevertheless it will be impossible to ignore the fact that you are in a different category from any person that I have ever tried. It would be impossible to ignore the fact that, in the eyes of millions of our countrymen and women, you are a patriot and a leader. Even those who differ from you in politics look upon you as a man of high ideals. You had every chance to reach the greatest height of human achievement. But half-way along the road, you allowed avarice to corrupt you. It is incomprehensible how a man in your position could not in your own conscience, recognise corruption for what it is. In so doing, you have not only betrayed your party cause, for which you have spoken so eloquently, but also the oath of office which you have taken and subscribed before your Sovereign Ruler, and above all the law of which you are its servant’.

Baginda Sultan Nazrin seterusnya menyatakan terdapat keperluan untuk membanteras gejala rasuah ini dengan menghukum pesalah tanpa pilih kasih selain membuat pelbagai langkah preventif mendidik masyarakat:

‘Usaha memerangi rasuah wajib memberi fokus kepada dua aspek. Aspek pertama Langkah Punitif Yang Tegas dan Tidak Selektif, dilaksanakan tanpa gentar - tanpa pilih kasih; aspek kedua: Langkah Preventif Untuk Mengukuhkan Integriti. Tegas dan Tidak Selektif adalah dua kata kunci penting yang wajib dijadikan prinsip. Negara mempunyai contoh yang boleh dijadikan tanda aras dan rujukan, dijadikan sumber inspirasi dan sumber kekuatan untuk berani bertindak.’

Salah satu langkah preventif dan pendidikan yang terabai ialah pemanfaatan ruang naratif, dalam hal ini, karya seni sastra untuk memberi kesedaran kepada masyarakat terbanyak. ‘Busa Hati’ karya Arena Wati misalnya telah berusaha memenuhi keperluan ini.

Terdapat banyak persoalan dan isu politik dibincangkan oleh Arena Wati dalam *Busa Hati*. Beliau telah menggunakan kreativiti sebagai pengarang fiksi untuk membina sebuah dunia fiksi yang membicarakan persoalan korupsi secara tuntas. Sungguh pun demikian satu hal yang sedikit mengecewakan ialah watak-watak wanita dalam *Busa Hati* meskipun ditampilkan kuat, berkuasa dan berpelajaran malangnya tanpa beliau sedari hanya menjadi pemeriah dapur, dan bukan penentu kepada setiap solusi yang dihadirkan. Arena Wati misalnya boleh menerokai watak Ginsu untuk

menunjukkan kekuatan wanita. Manakala watak Zaitun dan Zarina yang merupakan ahli akademik boleh dikraf dan dibina dengan lebih bersungguh.

Akan tetapi *Busa Hati* tidak dapat menjadi hujah yang Arena Wati adalah seorang cauvinis lelaki. Ini kerana terdapat banyak lagi karya beliau yang menjadikan kaum wanita juara dan penentu suara dalam masyarakat. Hanya, dalam *Busa Hati*, pengarang memilih untuk memberi suara wanita dengan minima sekali.

Satu hal yang sangat ketara pada *Trilogi Busa* ini ialah, ia tidak disunting dengan kemas secara mikro dan makronya. Ada kemungkinan jika karya ini jatuh ke tangan penyunting dan editor yang baik, Arena Wati akan menimbangkan untuk memposisikan wanita dengan lebih waras dan bertenaga.

Pun, *Busa Hati* menghidangkan bahagian yang kurang diketahui oleh pembaca Semenanjung iaitu perihal lanskap budaya dan politik Sabah yang begitu khas dan berbeza sekali. *Busa Hati* adalah sebuah novel politik yang tersendiri.

Rujukan

- Akhbar Satar. (2021, November 9). Parti politik dan bakal calon pilihan raya. *Portal Rasmi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia*. https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=103&contentid=2181&cat=BKH
- Alias Othman. (1992). *Asas-asas pemikiran politik Islam*. Pustaka Salam.
- Annan, K. (2004). United nations convention against corruption. *United Nations*. <https://www.unodc.org/unodc/en/corruption/uncac.html>
- Arena Wati. (2002). *Busa hati*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Che Abdullah Che Ya. (2016). Gambaran konflik politik dalam kalangan masyarakat sabah. *Malaysian Journal of Society and Space*, 12 (11), 16-28.
- Forster, E. M. (1979). *Aspek-aspek novel*. (Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera, Trans.). Dewan Bahasa dan Pustaka. (Original work published 1970).
- Grombs, D. (1984). *The random house dictionary for writers and readers*. Random House.
- Henry Guntur Tarigan. (1984). *Prinsip-prinsip dasar sastra*. Penerbit Angkasa.
- Howe, I. (1961). *Politics and the novel*. Steven and Sons Limited.
- Joyce, P. (1996). *Politics*. Hodder Headline.
- Luyan, M. H., & Lunkapis, G. J. (2016). Konflik hak tanah adat (native customary rights) kampung Imahit Tenom, Sabah: Indigenous land rights conflict (native customary rights) of Kampung Imahit, Tenom, Sabah. *GEOGRAFI*, 4(1), 69-79.
- Madden, D. (1980). *A primer of the novel for readers and writers*. The Scarecrow Press.
- Milne, G. (1966). *The american political novel*. University of Oklahoma Press.
- Mohd Kamal Hassan. (2021). *Corruption and hypocrisy in Malay Muslim politics: The urgency of moral-ethical transformation*. Emir Research.
- Mohd Nordin Ahmad. (1995). Masyarakat Melayu: Budaya rasuah dan penyelesaiannya. In Mahadi Osman, Syed Nurul Akla Syed Abdullah & Sa'adiah Hassan (Eds.), *Masyarakat Melayu dan gejala sosial: Proses penyelesaian ke arah pembinaan masyarakat Melayu cemerlang abad ke-21* (pp. 77-97). Institut Perkembangan Minda.
- Muhammad Yusri Muzammir. (2021, Mei 1). Rasuah, lompat parti: Pemuda UMNO buat laporan polis. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/05/812639/rasuah-lompat-parti-pemuda-umno-buat-laporan-polis>
- Navi Pillay. (2013, Mac 27). The human rights case against corruption. *Office of the High Commissioner: United Nations Human Rights*. <https://www.ohchr.org/en/stories/2013/03/human-rights-case-against-corruption>
- Pollard, A. (1992). *Satira* (Zahari Mahmud & Noraini Md. Isa, Trans.). Dewan Bahasa dan Pustaka. (Original work published 1987).
- Ponton, G., & Gill, P. (1988). *Introduction to politics*. Basil Blackwell Ltd.
- Ramanathan, K. (1994). *Asas sains politik*. Penerbit Fajar Bakti.

- Renwick, A., & Swinburn, I. (1991). *Basic political concepts*. Stanley Thornes Ltd.
- Safian Hussain, Mohd Thani Ahmad, Zakaria Ariffin, Ahmad Kamal Abdullah & Suhaimi Haji Muhammad (Eds.). (1988). *Glosari istilah kesusasteraan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sahlan Mohd Saman. (1992). *History of modern Malay literature (Vol.II)*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Scannell, V. (1984). *How to enjoy novels*. Judy Piatkus Limited.
- Speare, M. E. (1924). *The political novel: It's development in England and in America*. Oxford University Press.
- SPRM. (2017). *Bila hadiah menjadi rasuah*. Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. <https://www.ukm.my/legal/wp-content/uploads/2017/11/Bila-Hadiah-Menjadi-Rasuah.pdf>
- Sultan Nazrin Shah. (2014, Oktober 3). Rasuah musnahkan negara, bangsa. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2014/10/9279/rasuah-musnahkan-negara-bangsa>
- Swift, J. (1977). *Gulliver's travel*. Viking Penguin.
- Teuku Iskandar. (Ed.). (1989). *Kamus dewan edisi baru*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim. (2005). *Fighting corruption: My mission*. Konrad Adenauer Foundation.
- Wilding, M. (1980). *Political fictions*. Routledge and Kegan Paul.